

Pengukus selamat untuk kesihatan

SENARIO mati mengejut yang kerap dilaporkan sejak kebelakangan ini makin merisaukan masyarakat.

Jika dilihat punca kematian, kebanyakan adalah berkaitan dengan cara pemakanan serta gaya hidup yang menjadikan penyakit-penyakit tersebut menyerang individu tanpa mengira usia.

Untuk itu, bagi mengimbangkan corak pemakanan dengan gaya hidup hari ini, ramai individu mahupun keluarga memilih untuk memakan makanan yang dimasak secara sihat.

Salah satu cara menghasilkan pemakanan sihat adalah melalui cara kukusan.

Ini kerana makanan yang dimasak dengan kaedah tersebut mempunyai lebih banyak khasiat berbanding hidangan bergoreng.

Jika sebelum ini mengukus makanan banyak menggunakan kukusan diperbuat daripada buluh serta periuk aluminium, kini selaras dengan peredaran zaman, kaedah lebih praktikal, mudah dan

menyenangkan bagi mengukus makanan diperkenalkan.

Produk terbaru daripada Tupperware Brands dikenali sebagai 'steam it' dapat mengekalkan khasiat hidangan disediakan sama seperti pengukus biasa.

Naib Presiden Tupperware Brands Pasaran Asia Tenggara merangkap Pengarah Urusan Tupperware Brands Malaysia, David Wong berkata, jenama tersebut telah menawarkan pelbagai rangkaian produk lebih dari 60 tahun dan pihaknya berbangga menjadi negara pertama yang memperkenalkan produk *steam it* kepada dunia.

Tambah beliau, pembaharuan yang dilakukan adalah selari dengan peningkatan cara hidup hari ini selain memudahkan suri rumah menyediakan hidangan untuk keluarga.

'*Steam it* merupakan satu konsep inovatif diperkenalkan kepada masyarakat yang masih lagi mengekalkan ciri-ciri tradisionalnya.

"Melalui penggunaannya, ia bukan sahaja dapat menyajikan makanan sihat malah ia turut mengekalkan keaslian ramuan yang terdapat pada makanan tersebut.

"Produk *steam it* juga merupakan salah satu produk yang mampu mendidik orang ramai dalam penyediaan makanan berkhasiat lagi sihat," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran pengukus berkenaan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ujar beliau, pengukus terbabit 100 peratus selamat digunakan tanpa memberikan kesan sampingan kepada pengguna.

Bekasnya bukan sahaja mudah dicuci selepas digunakan malah ia juga tidak mudah lebur kerana menggunakan air sebagai bahan perantara dengan bahan bakar..

PENGUKUS terkini yang dikeluarkan oleh Tupperware diperbuat daripada bahan yang tidak mudah lebur dan selamat digunakan.

